

BAB 4 – BAHAGIAN-BAHAGIAN FUNGSIAN UTAMA DALAM ORGANISASI PERNIAGAAN

Pilih satu jawapan yang tepat atau yang paling sesuai.

1. Antara yang berikut, manakah yang benar tentang struktur organisasi?
 - I. Merupakan komponen utama perancangan strategik
 - II. Dapat digambarkan melalui carta organisasi
 - III. Merujuk kepada visi dan misi sesebuah organisasi
 - IV. Membantu ahli organisasi mengetahui tanggungjawab masing-masing

A. I dan II C. II dan IV
B. I dan III D. III dan IV
2. Aktiviti manakah yang berkaitan dengan peranan bahagian fungsian kewangan dalam organisasi perniagaan?
 - A. Aktiviti mendapatkan dana dan mengagihkan dana dengan cekap
 - B. Aktiviti menentukan objektif kewangan organisasi untuk jangka panjang
 - C. Aktiviti merancang, menyusun, mengarah dan mengawal sumber kewangan
 - D. Aktiviti mengawal kewangan setiap bahagian dalam organisasi perniagaan
3. Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan personel dalam bahagian fungsian kewangan.

- Memeriksa bajet jabatan
 - Menyediakan unjuran jualan tunai
 - Menganalisis maklumat kewangan harian

Personel manakah yang memainkan peranan tersebut?

A. Akauntan
B. Pegawai kredit
C. Staf kewangan
D. Pegawai kewangan
4. Pengantara teknologi maklumat dan komunikasi manakah yang memudahkan komunikasi dalaman?
 - A. Internet
 - B. Intranet
 - C. E-dagang
 - D. E-banking
5. Apakah peranan utama bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan?
 - A. Menyimpan dan melindungi semua maklumat organisasi
 - B. Mengubah dan memindahkan data dengan cepat dan selamat
 - C. Menyimpan dan memproses data dengan mudah dan serta merta
 - D. Membolehkan maklumat digunakan untuk memaksimumkan produktiviti
6. Pernyataan manakah yang merujuk kepada tujuan utama bahagian fungsian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sesebuah organisasi perniagaan?
 - A. Sentiasa menghasilkan produk baharu
 - B. Mengubah suai produk sedia ada supaya lebih bermutu
 - C. Menghasilkan produk yang mampu memuaskan keperluan masyarakat
 - D. Membolehkan perniagaan menghasilkan produk yang sentiasa berdaya saing
7. Antara yang berikut, manakah unsur input dalam proses pengeluaran?
 - I. Buruh
 - II. Teknologi
 - III. Usahawan
 - IV. Barang siap

A. I dan II C. II dan IV
B. I dan III D. III dan IV
8. Mengapakah aktiviti pemasaran penting bagi sesebuah organisasi perniagaan?
 - A. Dapat mengagihkan barang ke pasaran
 - B. Dapat memuaskan keperluan pengguna
 - C. Dapat mencipta permintaan untuk keluaran
 - D. Dapat memujuk pengguna membeli barang
9. Apakah matlamat utama pengeluar merumus campuran pemasaran?
 - A. Mempromosikan keluaran
 - B. Mengagihkan hasil keluaran
 - C. Menghasilkan proses pertukaran nilai
 - D. Membantu menetapkan harga barang

10. Produk adalah salah satu unsur penting dalam sesuatu campuran pemasaran. Manakah yang merupakan ciri sesuatu produk?
- Kos
 - Diskaun
 - Publisiti
 - Jaminan
11. Agensi kerajaan manakah yang berperanan menjalankan aktiviti pemasaran berkaitan pertanian?
- FAMA
 - SIRIM
 - FELDA
 - MATRADE
12. Apakah peranan utama bahagian fungsian jualan?
- Menjawab pertanyaan pelanggan
 - Mencipta permintaan untuk barang jualan
 - Menentukan dan mencapai sasaran jualan
 - Melaksanakan publisiti untuk menarik pelanggan
13. Organisasi perniagaan manakah yang perlu mewujudkan bahagian khidmat pelanggan?
- Pengeluar pakaian
 - Syarikat telekomunikasi
 - Pembekal bahan mentah
 - Pengeluar makanan ringan
14. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan strategi pembangunan produk?
- Mencari pasaran baharu untuk produk sedia ada
 - Mempelbagai produk syarikat untuk meningkatkan jualan
 - Memperkenalkan produk baharu kepada pasaran sedia ada
 - Memperkenalkan produk sedia ada kepada pasaran baharu
15. Apakah maksud strategi pembangunan pasaran?
- Mencari pasaran baharu untuk produk sedia ada
 - Mempelbagai produk syarikat untuk meningkatkan jualan
 - Memperkenalkan produk baharu kepada pasaran sedia ada
 - Memperkenalkan produk sedia ada kepada pasaran baharu
16. Mengapakah ujian pemasaran penting dalam pembangunan produk baharu?
- Dapat mengenal pasti citarasa bakal pengguna
 - Memastikan penerimaan produk baharu oleh pengguna
 - Memastikan mutu produk memenuhi piawaian yang ditetapkan
 - Untuk memastikan strategi pemasaran memenuhi objektif syarikat
17. Bagaimanakah penggunaan teknologi maklumat membantu peniaga?
- Peniaga dapat memproses data jualan dengan segera
 - Peniaga boleh melakukan aktiviti kewangan dengan lebih berkesan
 - Peniaga boleh dijalankan secara cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat
 - Peniaga boleh berhubung dengan pembekal dan pelanggan dengan serta merta
18. Mengapakah syarikat insurans melantik ejen untuk berinteraksi dengan pelanggan?
- Untuk mempengaruhi pelanggan memberli produk
 - Untuk menjalin kerjasama strategik dengan pelanggan
 - Untuk mengukuhkan hubungan baik dengan pelanggan
 - Untuk mewujudkan jaringan perniagaan dengan pelanggan
19. Bagaimanakah interaksi dengan pihak bank membantu perniagaan mengatasi masalah operasi pengeluaran?
- Mengatasi masalah kekurangan modal kerja
 - Memudahkan urusan pembayaran perniagaan
 - Memudahkan penyimpanan wang dengan selamat
 - Memudahkan perniagaan melakukan pembayaran gaji
20. Agensi kerajaan manakah yang boleh membantu pengeluar tempatan mengeksport produk ke pasaran antarabangsa?
- MARA
 - SIRIM
 - SMIDEC
 - MATRADE